



Anita Sarawak

# GAYA MEWAH PERABOT EMPIRE CLASSIC SERLAHKAN KEPERIBADIAN

TULISAN: YUSNELLY YAHYA  
FOTOGRAFI: EMPIRE CLASSIC FURNITURE

**TERUJA** dengan gaya perabot yang menawarkan rekaan bercita rasa mewah dan anggun, perabot Empire Classic sudah pastinya memberikan anda suatu pengalaman hebat merubah gaya kediaman menerusi pilihan pesona Itali. Menurut Pengarah eksekutif Empire Classic Furniture & Decoration Sdn. Bhd., **Christine Chool** mengakui rakyat Malaysia khususnya orang Melayu memiliki cita rasa tinggi terhadap perabot klasik mewah terutama gaya dan rekaan Itali.

Produk Itali seperti F LLI ORIGGI antara yang mencuri perhatian pelanggan ke ruang pameran Empire Classic Furniture. Ciri-ciri pembuatannya yang teliti dan berseni serta 100 peratus buatan Itali menjadikan pesona ruang anda nampak bergaya dan anggun memikat. Kualitinya yang tinggi amat wajar dengan nilai pelaburannya, malah setiap inci rekaannya menampilkan imej mewah dan berkarisma tanpa rasa bosan dipandang. Biar pun berciri mewah dan eksklusif,



Katil bersaiz king dengan Padded Head



Koleksi Maria Luisa kemasan Itali Daun Emas (1+2+3 dudukan dengan meja kopi dan meja tepi marmar)

namun perabot Empire Classic mampu dimiliki oleh kebanyakan pemilik kediaman, mengikut kesesuaian dan konsep ruang.

Situasi ini diakui sendiri oleh penghibur antarabangsa, Anita Sarawak yang juga merupakan duta produk bagi Empire Classic. Anita yang turut meminati perabot klasik mewah yang bercita rasa tinggi ini mengakui bahawa ia bukan sahaja menampilkan kediaman anda terserlah hebat dalam pesona anggunnya, malah lambang kemewahan produk itu sendiri mampu meningkatkan gaya dan martabat anda sebagai individu yang benar-benar menghargai karya seni.

Selain menampilkan rekaan eksklusif, komprehensif dan sofistikated, Empire Classic membawa pengalaman baru bagi anda yang mula meminati dunia perabot mewah ini menerusi gaya susun aturnya yang cukup memberangsangkan. Ruang anda akan lebih terserlah dengan dekorasi kertas dinding yang sepadan, siling plaster serta warna cat yang bersesuaian. Untuk menampilkan ciri klasik Inggeris sebenar, paduan aksesori seperti koleksi candelier kristal Czech, cermin dinding berhiaskan ukiran cantik, perhiasan gambar, gubahan bunga berkonsep Inggeris, jam dinding dan lain-lain hiasan mampu merealisasikan gaya konsep yang diinginkan.

Justifikasikan pilihan anda sama ada memilih perabot gaya mewah, bergaya atau berciri klasik, kerana pilihan hebat anda bakal menentukan cita rasa tersendiri dalam menyerlahkan keperibadian.

## RUANG PAMERAN

- Jalan Ampang - 03-4260-3688
- Damansara Height - 03-2092-4632
- Seksyen 7, Shah Alam - 03-5513-8279

website: [www.empireclassicfurniture.com.my](http://www.empireclassicfurniture.com.my)

Meja konsol bercermin dengan kemasan Daun Emas

